

Kuala Lumpur

GANGGUAN PERKHIDMATAN LRT LALUAN AMPANG

DBKL arah henti kerja pembinaan!

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan Arahan Memberhentikan Kerja serta-merta kepada Tetuan Persekutuan Seruan Islam (Jam'iyah) Selangor dan Wilayah Persekutuan iaitu pemilik projek Cadangan Membina 1 Blok 44 Tingkat Menara SOHO (326 unit) dengan satu Basemen di Lot PT 163, Jalan Raja Laut, di sini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, Arahan Memberhentikan Kerja itu dikeluarkan berikutan gangguan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) bagi Laluan Ampang yang berlaku pada 27 Januari lepas.

Menurutnya, keputusan itu dibuat hasil daripada mesyuarat bersama wakil dari

Agensi Pengangkutan Awam Darat (Apad), Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dan beberapa jabatan dalam DBKL iaitu Jabatan Perancangan Infrastruktur, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan serta Jabatan Perancangan Korporat pada 28 Januari lepas.

"Arahan ini dibuat sebagai



Arahan ini dibuat sebagai langkah keselamatan bagi memastikan Apad dan agensi berkaitan dapat menjalankan siasatan"

Mahadi Che Ngah

langkah keselamatan bagi memastikan Apad dan agensi berkaitan dapat menjalankan siasatan, penelitian, seterusnya mengenal pasti punca gangguan yang berlaku baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, projek tersebut kini hanya di peringkat awalan iaitu melibatkan kerja-kerja tanah di luar daripada kawasan zon 1 dan zon 2 (protection zone).

"DBKL menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Se-tempat (One Stop Committee atau OSC) akan melibatkan pihak Apad dan Prasarana bagi mendapatkan pandangan mereka khususnya apabila terdapat permohonan pembangunan yang terletak dalam atau berhampiran dengan zon keselamatan kereta api," katanya.

Pada 27 Januari lepas, perkhidmatan LRT bagi Laluan Ampang mengalami kelewa-

tan atas faktor keselamatan akibat penjajaran landasan yang bengkok berhampiran stesen LRT Bandaraya.

Rapid Rail Sdn Bhd dalam satu kenyataan memaklumkan pemerhatian awal menunjukkan berlaku kerosakan struktur jejambat di kawasan berkenaan dipercayai akibat daripada kerja-kerja pembinaan bersebelahan dengan kawasan itu.

» INFO

Pada 27 Januari lepas, perkhidmatan LRT bagi Laluan Ampang mengalami kelewatan atas faktor keselamatan akibat penjajaran landasan yang bengkok berhampiran stesen LRT Bandaraya



PRASARANA memaklumkan waktu puncak bagi LRT Laluan Ampang/Sri Petaling dan Laluan Monorel Kuala Lumpur dipanjangkan dari 6.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Kuala Lumpur: Perkhidmatan waktu puncak bagi Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Ampang/Sri Petaling dan Laluan Monorel Kuala Lumpur akan dilanjutkan bermula semalam.

Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dalam satu kenyataan memaklumkan waktu puncak itu dipanjangkan dari 6.30 pagi hingga 10.30 pagi berbanding jadual asal 7 pagi hingga

Operasi perkhidmatan waktu puncak dilanjutkan

9.30 pagi dan dari 4.30 petang hingga 8.30 malam berbanding 5 petang hingga 7.30 malam.

Menurut kenyataan itu, pemanjangan operasi tersebut susulan gangguan perkhidmatan di antara dua stesen LRT Bandaraya dan LRT Masjid Jamek akibat penjajaran landasan yang bengkok.

"Langkah ini akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna, selain mereka dapat merancang perjalanan lebih awal bagi mengurangkan kesesakan di beberapa stesen rel khususnya di stesen pertukaran

LRT Masjid Jamek dan Stesen LRT Hang Tuah," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan bilangan bas perantara percuma juga akan ditambah bermula semalam bagi tiga laluan dengan kekera-

pan 10 minit bergantung kepada keadaan lalu lintas.

Tiga laluan itu ialah laluan LRT 9 melibatkan LRT Hang Tuah-LRT Bandaraya-LRT Hang Tuah (15 bas); laluan LRT 10 membabitkan LRT Masjid Jamek-LRT Bandaraya-LRT Masjid Jamek (9 bas) dan laluan LRT 11 iaitu LRT Sentul Timur-LRT Bandaraya-LRT

Sentul Timur (10 bas).

"Prasarana memohon maaf atas kesulitan dialami penumpang dan amat menghargai sokongan serta kesabaran mereka. Inisiatif ini adalah komitmen kami dalam memastikan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pengguna sentiasa dalam tahap terbaik," menurut kenyataan itu.

Bilangan bas perantara percuma akan ditambah